

Kata Kerja Ambitransitif dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Minimalis

Ambitransitive Verb in Malay: A Minimalist Analysis

*AHMAD SYAFIQ AMIR ABDULLAH ZAWAWI
FAZAL MOHAMED MOHAMED SULTAN
AZHAR JALUDIN

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: syafiqamir2017@gmail.com

Published online: 30 October 2024

To cite this article: Ahmad Syafiq Amir Abdullah Zawawi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan and Azhar Jaludin. 2024. Kata kerja ambitransitif dalam bahasa Melayu: Suatu analisis minimalis. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 31(2): 163–191. <https://doi.org/10.21315/kajh2024.31.2.9>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2024.31.2.9>

Abstract. *This study aims to explore the transitivity of Malay verbs, which has been understudied in previous research that only focused on four categories: transitive, bitransitive, unaccusative and uncausative. The previous studies claimed that each verb can only support one transitivity feature. However, this study aims to fill the gap by providing a syntactic explanation of verbs that have more than one transitivity feature in Malay, namely ambitransitive verb. The study focuses on one lexical item “ada”, which functions as a verb. The data was collected from the Dewan Bahasa dan Pustaka corpus and analysed in two types of sentences, possession sentences in FN-ada-FN structure and existential sentences in FN-ada structure. The results showed that “ada” has a monotransitive characteristic in possession sentences FN-ada-FN, but it has an unaccusative characteristic in existential sentences in FN-ada. This study contributes to the understanding of lexical items with multiple transitivity properties and provides evidence that ambitransitive verbs do exist and are used logically in Malay.*

Keywords and phrases: *ambitransitive, corpus data, minimalist framework, unaccusative, monotransitive*

Abstrak. Kajian lepas berkaitan transitiviti kata kerja bahasa Melayu hanya tertumpu kepada empat kategori sahaja, iaitu transitif, dwitransitif, tak akusatif dan tak kausatif. Kajian lepas juga mendakwa setiap kata kerja (KK) hanya boleh mendukung satu ciri transitiviti sahaja. Namun, tiada penjelasan tuntas berkaitan leksikal yang dianggap ambitransitif,

iaitu leksikal yang boleh mendukung lebih daripada satu sifat transitiviti. Maka, kajian ini bertujuan mengemukakan penjelasan sintaksis terhadap KK yang memiliki lebih daripada satu ciri transitiviti dari perspektif minimalis. Kajian ini menghadkan satu leksis sahaja untuk dianalisis, iaitu “ada” yang berfungsi sebagai KK. Data kajian ini pula diperoleh daripada janaan korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini menganalisis “ada” yang hadir dalam dua jenis ayat, iaitu ayat milik dalam struktur frasa nama (FN)-ada-FN dan ayat kewujudan dalam struktur FN-ada. Kajian ini mendapati dalam struktur milik FN-ada-FN, “ada” berciri KK monotransitif kerana mensubkategorisasikan satu argumen dalaman, iaitu FN sebagai komplemennya. Namun begitu, hal berbeza diperlihatkan dalam struktur kewujudan FN-ada apabila “ada” memiliki ciri sebagai KK tak akusatif. Kajian ini memberi impak terhadap penemuan leksis yang memiliki lebih daripada satu sifat transitiviti dan membuktikan bahawa KK ambitransitif sememangnya wujud dan digunakan secara nalar dalam bahasa Melayu.

Kata kunci dan frasa: Ambitransitif, data korpus, kerangka minimalis, tak akusatif, monotransitif

Pendahuluan

Perkembangan kajian kata kerja (KK) dalam pelbagai lapangan bahasa telah mewujudkan pelbagai kajian terhadap transitiviti bagi bahasa-bahasa tabi'i yang menjadi bahasa pertuturan. Umumnya, kajian sarjana bahasa terhadap transitiviti KK dalam bidang kebahasaan menyebabkan wujudnya pelbagai kajian berkaitan transitiviti. Namun demikian, tidak dinafikan bahawa kajian oleh sarjana bahasa Melayu masih mempunyai kelompangan dan hanya menumpukan penjelasan terhadap transitiviti secara terhad. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian lampau didapati menjelaskan ciri, sifat dan contoh KK bagi setiap transitiviti, sama ada monotransitif atau transitif, dwitransitif, tak transitif, tak akusatif mahupun tak kausatif. Maka, para sarjana bahasa dalam kajian lepas bahasa Melayu juga mendakwa setiap KK dikatakan hanya memiliki satu transitiviti sahaja (Ramli 1989; Mashudi 2003; Mashudi, Syed dan Ejazi 2005; Nik Safiah et al. 2010; Asmah 2015).

Oleh itu, matlamat kajian ini adalah untuk membawakan suatu perbincangan kontemporari berasaskan penelitian teoretikal terhadap KK bahasa Melayu yang didapati boleh mendukung lebih daripada satu transitiviti. Kajian ini memfokuskan analisis sintaksis terhadap leksis “ada” sebagai subjek utama kajian ini untuk mengemukakan perbincangan sama ada leksis “ada” dapat mendukung lebih daripada satu transitiviti dalam bahasa Melayu. Kajian ini juga bertujuan menilai semula dakwaan sarjana lepas yang mendakwa setiap KK bahasa Melayu hanya mendukung satu transitiviti sahaja dapat diterima atau sebaliknya. Dalam kajian

sintaksis generatif, keperihalhan leksikal yang memiliki lebih daripada satu sifat transitiviti dikenali sebagai ambitransitif (Adger 2003; Kulikov 2014; Enfield 2017; Hill 2011; LaPolla 2010).

Kajian ini dikuatkan dengan penelitian secara deskriptif melalui data yang diperoleh daripada penggunaan sebenar penutur natif melalui janaan data daripada pangkalan korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (Korpus DBP). Penggunaan data sebenar adalah bagi mencerminkan bentuk penggunaan sebenar terhadap leksikal yang dikaji dalam kalangan penutur natif secara nalar (Wijitsopon 2018). Seterusnya, kajian ini juga akan membawakan penelitian secara teoretikal bagi menjelaskan sama ada terdapat perbezaan transitiviti kata kerja bagi leksis “ada” yang hadir dalam ayat milik yang berstruktur FN-ada-FN dan ayat kewujudan berstruktur FN-ada. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan suatu nilai tambah kepada kajian transitiviti yang telah dilakukan oleh sarjana lepas kerana kajian ini menyumbang kepada penerokaan kata kerja yang memiliki kepelbagaian transitiviti berpandukan penjelasan yang berpadu.

Keperihalhan Ambitransitiviti dalam Kajian Bahasa Tabi'i

Istilah kata kerja ambitransitif bukanlah suatu istilah yang dianggap asing lagi dalam kajian linguistik, khususnya sintaksis generatif. Hal ini dikatakan demikian kerana istilah ambitransitif telah digunakan dalam kajian-kajian sintaksis secara rentas bahasa. Secara umumnya, Enfield (2017), Kurebito (2012), Makartsev dan Wahlström (2020), Zhang (2017), Grüter (2006), Tight (2012) dan Ruff (2015) menjelaskan bahawa KK ambitransitif bermaksud suatu KK yang boleh mendukung dua ciri transitiviti, sama ada transitif atau monotransitif dan tak transitif bergantung kepada struktur argumen dalam ayat. Menurut Hill (2011) dan LaPolla (2010), suatu leksikal yang bersifat ambitransitif berkeupayaan untuk mendukung dua transitiviti tanpa mengalami derivasi morfologi, iaitu perubahan morfologikal terhadap leksikal tersebut. Contoh KK ambitransitif dalam kajian bahasa Inggeris diperturunkan dalam Contoh 1 sehingga 3.

Contoh 1

- a. I read my newspaper. [monotransitif]
- b. I always read (in bed). [tak transitif] (Enfield 2017)

Contoh 2

- a. Carl opens the door. [monotransitif]
- b. The box opens. [tak transitif] (Hill 2011)

Contoh 3

- a. John ate the cake. [monotransitif]
- b. John ate. [tak transitif] (Kulikov 2014)

Berdasarkan contoh yang dikemukakan, didapati bahawa para sarjana telah membincangkan KK *read*, *open* dan *eat* yang mendukung lebih daripada satu ciri transitiviti. Contohnya, KK dalam Contoh 1(a), 2(a) dan 3(a) memiliki ciri monotransitif kerana hanya memerlukan satu FN *my newspaper*, *the door* dan *the cake* sebagai komplemennya. Namun demikian, bagi Contoh 1(b), 2(b) dan 3(b), ketiga-tiga KK dalam struktur ini berfungsi sebagai tak transitif kerana tidak memerlukan apa-apa FN sebagai komplemennya dan struktur tersebut masih diterima sebagai struktur yang gramatis. Fenomena inilah yang dinyatakan sebagai ambitransitif, iaitu KK yang mendukung lebih daripada satu ciri transitiviti.

Fenomena ini bukan hanya terdapat dalam kajian bahasa Inggeris, malah KK ambitransitif juga turut dibincangkan dalam beberapa kajian dalam bahasa tabi'i. Umpamanya, Ruff (2015) telah menganalisis KK ambitransitif dalam bahasa Jerman. Antaranya, KK *kocht* boleh hadir secara monotransitif dan tak transitif seperti Contoh 4.

Contoh 4

- a. Dietlind kocht eine Suppe.

Dietlind cook a soup

Dietlind is cooking a soup.

- b. Dietlind kocht.

Dietlind cook

Dietlind is cooking. (Ruff 2015)

Selain itu, perbincangan sarjana berkaitan KK ambitransitif juga turut terdapat dalam kajian bahasa Perancis. Hal ini berdasarkan analisis Heidinger (2014) yang menganalisis ambitransitif dari perspektif kausatif dan refleksif seperti dalam Contoh 5.

Contoh 5

- a. Jean a brisé le vase.

Jean PAST broke the vase

Jean broke the vase.

- b. Le vase s' est brisé.

the vase refl is broke

The vase broke.

(Heidinger 2014)

Menurut Heidinger (2014), *brisé* dalam Contoh 5(a) merupakan KK kausatif, iaitu KK yang mengungkapkan kesan atau akibat terhadap sesuatu perlakuan, dalam ayat ini diwakili oleh *broke*. Objek yang menerima kesan daripada perlakuan *broke* ialah FN *the vase*. Maka, *broke* dalam ayat ini merupakan KK yang dianggap monotransitif. Namun, Contoh 5(b) pula dianggap sebagai ayat refleksif apabila FN *the vase* dikedepankan sebagai subjek dan KK *broke* mendukung fungsi KK tak transitif.

Sarjana bahasa juga turut membincangkan fenomena ambitransitif dalam bahasa Rusia. Contohnya, Letuchiy (2015) telah menganalisis KK *mĉ-at* dan *dvinu-l* yang merujuk makna *move*/"bergerak". Perkara ini dipaparkan dalam Contoh 6 dan 7.

Contoh 6

- a. Lošad-i menja mĉ-at.

horse-pl.nom. I.acc move.quickly-prs.3pl.

The horses rush me.

b. Pust' vixr'-Ø mč-it.

let wind move.quickly-prs.3sg

Let the wind move.

Contoh 7

a. On. dvinu-l

he.nom move-pst-sg.

He moved.

b. On dvinu-l tuš-eju

he.nom move-pst-sg.m body-sg.ins

He moved his body.

(Letuchiy 2015)

Menurut Letuchiy (2015), leksikal *mč-at* merupakan bentuk morfologikal bagi kala kini manakala *dvinu-l* merupakan bentuk kala lepas. FN *menja* dalam Contoh 6(a) dan *tuš-eju* dalam Contoh 7(b) merupakan komplemen yang diperlukan oleh KK *mč-at* dan *dvinu-l*. Hal ini menyebabkan KK dalam Contoh 6(a) dan 7(b) dikategorikan sebagai KK monotransitif. Sebaliknya, tiada komplemen diperlukan oleh KK *mč-at* mahupun *dvinu-l* bagi Contoh 6(b) dan 7(a) yang menyebabkan kedua-dua ayat tersebut dikategorikan sebagai KK tak transitif.

Penelitian terhadap KK yang memiliki lebih daripada satu transitiviti juga dilakukan terhadap bahasa Myanmar oleh LaPolla (2010). Contohnya, KK *vmoe* boleh hadir secara transitif dan tak transitif seperti dalam Contoh 8.

Contoh 8

a. Àng vmđvngshì bōi

3sg. eat-finish PAST

He finished eating.

b. à:ngí v̄mpàlòng v̄mdv̄ng b̄òà

3sg food eat-finish PAST

He has finished eating the food.

(LaPolla 2010)

Menurut LaPolla (2010), bahasa Myanmar juga memiliki KK yang membenarkan KK hadir dalam dua ciri transitiviti kerana dipengaruhi oleh struktur argumennya. Dalam Contoh 8(a), KK *v̄moe* tidak mengambil sebarang argumen dalaman sebagai objeknya manakala dalam Contoh 8(b) pula, *v̄moe* mensubkategorisasikan suatu FN *v̄mpàlòng* sebagai objek langsung. Implikasinya, *v̄moe* dalam Contoh 8(a) hadir sebagai tak transitif, manakala Contoh 8(b) pula hadir sebagai KK monotransitif.

Selain itu, fenomena ambitransitif juga turut dikaji dalam bahasa Latin dan Estonisia. Menurut Gianollo (2014) dan Kehayov dan Vihman (2014), bahasa Latin lama dan Estonisia turut memeperlihatkan kewujudan KK yang memiliki dua sifat transitiviti sebagaimana diperturunkan dalam Contoh 9 dan 10.

Contoh 9

a. ecquis has aperit foris.

anyone.sg this open.3sg door

Someone open this door.

b. foris aperit.

door open.3sg

The door opens.

(Gianollo 2014)

Contoh 10

a. Poiss pritsi-b vett.

boy spray.3sg water

The boy sprays water.

b. Vesi pritsi-b.

water spray.3sg

The water sprays (out).

(Kehayov dan Vihman 2014)

Contoh 9 merupakan contoh fenomena ambitransitif bagi bahasa Latin lama dan Contoh 10 pula merupakan contoh daripada bahasa Estonia. Berpandukan Contoh 9(a) dan 10(a), KK *aperit* dan *pritsi-b* hadir sebagai KK transitif kerana mensubkategorisasikan satu argumen sebagai komplemennya, iaitu FN *foris* dan *vett*. Namun demikian, penutur jati bahasa Latin dan Estonia juga turut membenarkan KK *aperit* dan *pritsi-b* hadir tanpa objeknya, iaitu sebagaimana dalam Contoh 9(b) dan Contoh 10(b). Fenomena ini juga dikenali sebagai kata kerja Labil (Gianollo, 2014; Kehayov dan Vihman, 2014).

Tuntasnya, sorotan fenomena KK ambitransitif dalam kajian rentas bahasa seperti bahasa Inggeris, Jerman, Perancis, Rusia, Myanmar, Latin dan Estonia membuktikan bahawa terdapat sebilangan bahasa tabi'i yang membenarkan KK mengambil dua sifat transitiviti, iaitu transitif dan tak transitif.

Namun demikian, perkembangan kajian sintaksis terhadap bahasa Melayu hanya tertumpu kepada transitiviti KK yang mendukung ciri monotransitif, dwitransitif, tak akusatif dan tak kausatif sahaja. Walaupun demikian, kajian terperinci untuk memperlihatkan penggunaan sebenar penutur natif melalui korpus bahasa bagi menganalisis leksikal yang mendukung lebih daripada satu ciri transitiviti masih meninggalkan kelompangan untuk menentukan sama ada wujudkah KK ambitransitif dalam bahasa Melayu. Kajian Asmah (2015), Nik Safiah et al. (2010), Rodney dan Rogayah (2018), Fazal et al. (2011), Fazal dan Syafika (2021), Kartini, Rogayah dan Fazal (2016), Fazal dan Mohd Romzi (2015), Maslida (2018) serta Maslida, Mughni dan Kartini (2022) lebih tertumpu kepada penentuan sesuatu KK yang memiliki satu transitiviti sahaja tanpa membincangkan terdapatkah kemungkinan KK bahasa Melayu boleh mendukung lebih daripada satu transitiviti yang dibincangkan.

Sehubungan itu, kajian ini tampil sebagai salah satu penyumbang kepada kajian transitiviti bahasa Melayu untuk menampung kelompangan yang masih belum ditangani dalam kajian-kajian lepas. Kajian ini bertujuan mengemukakan satu perbincangan berkaitan leksikal yang mendukung dua ciri transitiviti yang diolah dari perspektif sintaksis generatif versi minimalis (Chomsky 2015). Kajian ini turut diperkukuh dengan penggunaan data yang diperoleh daripada korpus bahasa


yang bertujuan memperlihatkan bentuk corak penggunaan sebenar penutur natif dan memenuhi kepada pemerhatian, pendeskriptifan dan kepada penjelasan dalam kajian sintaksis.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian sintaksis berbentuk deskriptif berasaskan penelitian korpus berkomputer yang memanfaatkan Korpus DBP sebagai sumber data kajian. Penggunaan data korpus sebagai data kajian bertujuan menggambarkan penggunaan bahasa sebenar penutur natif (Adger 2003; Carnie 2006; Mei dan Ong 2018; Siti Zubaidah dan Hajar 2016; Hadis, Awang Had dan Singh 2015) khususnya KK ambitransitif bahasa Melayu. Menurut Nusawantara, Rohmah dan Kusumawardani (2019), kepentingan pendekatan linguistik korpus ialah dapat memaparkan penggunaan bahasa sebenar merupakan data empirikal, yang merangkumi bahan teks tulisan atau lisan yang disimpan dalam bentuk korpus. Selain itu, penggunaan pangkalan korpus mencerminkan kecanggihan teknologi dalam penyelidikan bahasa (Radford 2009; Ahmad, Fazal dan Azhar 2022; Zarifi dan Mukundan 2019; Ang dan Tan 2016; Siti Zubaidah dan Hajar 2016).

Dari aspek pemilihan data, kajian ini menghadkan satu leksikal sahaja untuk dianalisis, iaitu leksis “ada”. Pemilihan satu leksikal sahaja adalah memadai untuk melihat ciri transitiviti dalam dua jenis ayat, iaitu ayat milik dan ayat kewujudan. Selain itu, hal ini adalah bagi memenuhi ciri utama KK ambitransitif, iaitu “ada” tidak mengalami sebarang perubahan morfologikal dalam kedua-dua jenis ayat yang dianalisis kerana “ada” hadir secara tunggal tanpa memerlukan apa-apa proses derivasi prefiks atau suffiks. Maka, kajian ini mengkhusus kepada analisis transitiviti leksis “ada” dalam struktur milik FN-ada-FN dan struktur kewujudan FN-ada.

Dari aspek kerangka teoretis, landasan kajian ini adalah berasaskan tatabahasa generatif versi Program Minimalis (Chomsky 1995; 2015). Pemilihan kerangka minimalis (Chomsky 2015) adalah disebabkan keperluan menganalisis binaan struktur ayat yang mengandungi KK “ada” yang mendukung kepelbagaian transitiviti. Maka, Program Minimalis (Chomsky 2015) adalah bertepatan untuk menganalisis pembinaan struktur frasa dan ayat secara langkah demi langkah untuk menunjukkan perbezaan keperihalan antara “ada” yang mendukung transitiviti yang berbeza. Terdapat empat aras utama dalam kerangka PM, iaitu aras leksikon, numerasi, cetusan dan aras antara muka bentuk logik dan bentuk fonetik. Kerangka Minimalis oleh Chomsky (2015) ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Kerangka asas Program Minimalis
Sumber: Chomsky (2015)

Berpandukan Rajah 1, andaian Program Minimalis ialah sesuatu leksikal wujud secara lahiriah dalam leksikon manusia (Adger 2003; Carnie 2006; Ahmad, Fazal dan Azhar 2022; Harishon et al. 2012). Setiap leksikal dapat dicirikan secara berfitur. Pada aras numerasi, leksikal yang dipilih daripada leksikon akan melalui suatu operasi yang dikenali sebagai “gabung” (*merge*). Operasi gabung tidak sewenang-wenangnya berlaku kerana operasi ini dikawal oleh Prinsip Pemadaman Fitur, dengan setiap leksikal membawa fitur morfosintaksis secara berinterpretasi dan tak berinterpretasi. Fitur tak berinterpretasi perlu disemak dan dipadam melalui operasi gabung dengan leksikal yang sepadan sebelum fitur ini dibawa melepasi aras cetusan. Setelah semua fitur tak berinterpretasi disemak dan dipadam, maka struktur tersebut dibawa ke aras antara muka bentuk logik dan fonetik untuk diujarkan sebagai suatu konstruksi ayat yang gramatis.

Secara umumnya, analisis data yang dilakukan dalam kajian ini dilaksanakan melalui dua peringkat. Analisis data pada peringkat pertama ialah analisis secara deskriptif manakala analisis data peringkat kedua menjurus kepada analisis teoretikal berlandaskan kerangka Minimalis Chomsky (2015). Dalam analisis deskriptif, data-data mentah yang diperoleh daripada janaan korpus berkomputer dikelompokkan mengikut jenis data, iaitu data yang memposisikan “ada” sebagai KK dalam ayat berstruktur FN-ada-FN, FN-ada-FN-FPrep, FN-ada-FN-FKomp dan FN-ada-FN_{Relatif} dilabel sebagai ayat milik manakala ayat yang memposisikan ada sebagai KK dalam ayat yang berstruktur FN-ada-FPrep, FN-ada-FKomp dan FN-ada dilabelkan sebagai ayat kewujudan. Kedua-dua jenis ayat milik dan kewujudan ini dikumpulkan dalam dua jadual yang berbeza seperti yang dapat diperhatikan dalam analisis deskriptif data kajian.

Namun demikian, data-data yang dikumpulkan tersebut masih berstatus data mentah kerana konstituen wajib yang diperlukan oleh KK “ada” masih belum ditentukan. Penentuan konstituen yang diperlukan oleh KK “ada” secara wajib perlu ditentukan terlebih dahulu bagi membolehkan “ada” mengambil konstituen yang diperlukan bagi membolehkan sesuatu ayat asas yang gramatis dapat dibina. Dengan kata lain, unsur-unsur maklumat tambahan (adjung) dalam data mentah perlulah digugurkan dengan hanya mengekalkan maklumat wajib sahaja. Hal ini bertujuan bagi membolehkan analisis teoretikal dapat dilaksanakan tanpa melibatkan adjung. Oleh yang demikian, bagi menentukan konstituen wajib yang diperlukan oleh leksis “ada” dalam binaan ayat milik dan ayat kewujudan, ujian pengguguran argumen (UPA) dilaksanakan bagi kesemua data mentah yang dikumpulkan. Ujian ini membolehkan pengkaji menentukan konstituen wajib yang diperlukan oleh leksis “ada” dengan menguji kegramatisan ayat setelah konstituen-konstituen tertentu digugurkan. Sekiranya pengguguran konstituen tertentu dalam UPA tidak memberikan implikasi terhadap kegramatisan ayat, maka hal tersebut menunjukkan konstituen yang digugurkan hanyalah opsyenal, iaitu maklumat tambahan bagi ayat tersebut. Namun demikian, sekiranya pengguguran konstituen tertentu dalam UPA menyebabkan ayat yang diuji menjadi tidak gramatis, hal tersebut menunjukkan konstituen tersebut merupakan maklumat wajib yang diperlukan oleh leksis “ada” bagi melengkapkan sesuatu ayat. Dalam konteks ini, UPA dilaksanakan secara berasingan bagi ayat milik dan ayat kewujudan sebagaimana yang dijelaskan secara terperinci dalam analisis kajian. Selain itu, UPA adalah kunci utama kajian ini bagi menunjukkan bahawa KK “ada” mengambil konstituen wajib yang dikenali sebagai argumen bagi sesuatu kata kerja. UPA juga berperanan sebagai alat pengujian deskriptif bagi menunjukkan transitiviti “ada” yang berbeza bagi dua konstruksi yang diuji. Oleh itu, output daripada UPA dalam kajian ini bertujuan membuktikan transitiviti “ada” secara deskriptif sebelum data tersebut dibawa dalam peringkat kedua analisis, iaitu analisis data secara teoretikal menggunakan Kerangka Minimalis Chomsky (2015).

Pada peringkat analisis data yang kedua pula, hanya data-data bersih yang digunakan dalam analisis teoretikal. Data bersih yang dimaksudkan ialah data yang hanya melibatkan argumen wajib yang diperlukan oleh “ada” sahaja dan tidak melibatkan sebarang adjung, iaitu maklumat tambahan. Analisis teoretikal bertujuan untuk menjelaskan faktor yang mempengaruhi KK “ada” memilih argumen-argumen wajib dalam ayat dan menjelaskan peringkat-peringkat pembinaan ayat dalam struktur cangkerang frasa kerja (cangkerang Fk) secara langkah demi langkah berpaksikan operasi gabung yang berlaku bermula daripada aras leksikon, numerasi, aras antaramuka bentuk logik dan fonetik sehinggalah terhasilnya binaan struktur ayat yang gramatis. Oleh itu, analisis teoretikal ini dilakukan terhadap dua struktur ayat yang dianalisis, iaitu analisis cangkerang Fk

ayat milik dan analisis cangkerang Fk ayat kewujudan. Penjelasan teoretikal ini pula dilaksanakan berdasarkan rajah pohon operasi gabung yang berlaku dalam struktur sintaksis bagi kedua-dua struktur milik dan kewujudan yang dianalisis. Penjelasan lanjut hal ini dimuatkan dalam bahagian analisis data kajian yang menyusul.

Analisis Deskriptif Data Kajian

Penutur natif didapati menggunakan lexis “ada” dalam kepelbagaian konstruksi. Antara ayat yang kerap dihadiri oleh “ada” ialah ayat milik dan ayat kewujudan. Ayat milik bermaksud ayat yang menjelaskan pemilikan sesuatu benda oleh seseorang. Lazimnya pemilik diberi peranan sebagai AGEN dalam analisis sintaksis, manakala objek yang dimiliki pula ditandai TEMA. Ayat kewujudan pula merupakan ayat yang menjelaskan keperihalan wujudnya sesuatu benda di sesuatu lokasi atau tempat. Benda yang diungkapkan sebagai wujud ditandai TEMA manakala posisi kewujudannya ditandai sebagai “lokatif”. Berdasarkan janaan konkordans pangkalan korpus, diperhatikan bahawa ayat milik dan ayat kewujudan memposisikan “ada” sebagai KK utama, yang mana “ada” dianggap sebagai KK dalam ayat milik dan ayat kewujudan. Dalam konstruksi ini, KK “ada” hadir secara tunggal tanpa memerlukan sebarang derivasi bersama prefix mahupun suffiks untuk menjadikan ayat-ayat tersebut gramatis. Contoh ayat milik daripada pangkalan korpus diperturunkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Contoh ayat milik yang digunakan penutur natif daripada korpus

Bil.	Data
1	[_{FN} Leman [<u>ada</u> [[_{FN} perasaan malu] [_{FKomp} untuk menunjukkan mukanya kepada manusia lain]]]].
2	[_{FN} Dia [<u>ada</u> [[_{FN} potensi] [_{FKomp} untuk melakukan kejayaan pada musim ini]]]].
3	[_{FN} Saya [<u>ada</u> [_{FN} lesen kereta]]].
4	[_{FN} Kami [<u>ada</u> [[_{FN} prosedur khusus] [_{FPrep} dalam perniagaan]]]].
5	[_{FN} Atlet itu [<u>ada</u> [[_{FN} peluang] [_{FPrep} ke Sukan Olimpik]]]].
6	[_{FN} Beliau [<u>ada</u> [_{FN} Relatif,tanggungjawab yang besar terhadap maklumat kerajaan]]].
7	[_{FN} Kami [<u>ada</u> [_{FN} Relatif,tekad dan keazaman yang tinggi]]].
8	[_{FN} Mawi [<u>ada</u> [_{FN} kekuatan dan kesabaran]]].
9	[_{FN} Habibah [<u>ada</u> [_{FN} empat orang [anak lelaki teruna]]]].
10	[_{FN} Radio Antarabangsa China [<u>ada</u> [_{FN} Relatif,13 orang editor yang bercakap Melayu]]].

Berdasarkan Jadual 1, “ada” yang hadir dalam ayat milik berfungsi sebagai KK utama dan didahului oleh FN dan diikuti oleh konstituen FN. Data yang dipaparkan dalam Jadual 1 juga menunjukkan terdapat variasi konstituen yang hadir bersama “ada”. Contohnya, terdapat penggunaan frasa komplemen (FKomp), frasa preposisi (FPrep) dan frasa relatif (FRelatif). Selain itu, “ada” juga digunakan secara nalar dalam konstruksi kewujudan seperti diperturunkan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Contoh ayat kewujudan yang digunakan penutur natif daripada korpus

Bil.	Data
1	[_{FN} Riwayat sejarah tokoh itu] <u>ada</u> [_{FPrep} di sana].
2	[_{FN} Pondok baharu itu] <u>ada</u> [_{FPrep} di sana].
3	[_{FN} Maklumat terkini peruntukan itu] <u>ada</u> [_{FPrep} di portal jabatan].
4	[_{FN} Selekoh berbahaya] <u>ada</u> [_{FPrep} di kawasan itu].
5	[_{FN} Pertindihan fungsi itu] <u>ada</u> [_{FPrep} dalam hierarki jabatan kerajaan].
6	[_{FN} Jentera parti yang mantap itu] <u>ada</u> [_{FPrep} di Kelantan].
7	[_{FN} Saya] <u>ada</u> [_{FPrep} di belakang awak].
8	[_{FN} Tindakan pantas pegawai itu] <u>ada</u> [_{FKomp} untuk selesaikan masalah].
9	[_{FN} Kemungkinan darurat ekonomi] <u>ada</u> .
10	[_{FN} Bakatnya itu] <u>ada</u> [_{FPrep} dalam dirinya seawal permulaan karier].

Konstruksi kewujudan yang dikemukakan dalam Jadual 2 memperlihatkan “ada” hadir bersama konstituen FN di permulaan ayat dan diikuti juga oleh konstituen FPrep. Hal ini merupakan perbezaan ketara dengan struktur milik dalam Jadual 1 yang memposisikan FN mengikuti “ada” secara konsisten.

Namun demikian, data yang dipaparkan dalam Jadual 1 dan 2 belum mencerminkan sifat transitiviti “ada” dalam dua konstruksi berbeza tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan suatu ujian sintaksis yang dikenali sebagai Ujian Pengguguran Argumen (UPA) dilakukan terhadap konstituen yang hadir bersama “ada”. Hal ini bagi menentukan konstituen yang diperlukan secara wajib oleh “ada” untuk membentuk ayat asas yang gramatis.

Selain berfungsi sebagai instrumen sintaksis untuk menentukan argumen (Ag) wajib bagi sesuatu KK, UPA juga berfungsi untuk menentukan sesuatu adjung bagi data Jadual 1 dan 2. Namun demikian, hasil UPA yang dilakukan mestilah tidak mengubah pengungkapan sintaksis asal ayat yang diuji dan tidak mengubah konotasinya. Oleh yang demikian, UPA yang dilaksanakan bagi Jadual 1 ialah pengguguran konstituen kedua dan ketiga. Hasil UPA ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Hasil UPA bagi ayat milik

Bil.	Data yang diuji	Hasil pengguguran argumen kedua	Hasil pengguguran argumen ketiga
1	[_{Ag1} Leman [<u>ada</u> [_{Ag2} perasaan malu] [_{Ag3} untuk menunjukkan mukanya kepada manusia lain]]]].	#[_{Ag1} Leman [<u>ada</u> [_{Ag3} untuk menunjukkan mukanya kepada manusia lain]]]].	[_{Ag1} Leman [<u>ada</u> [_{Ag2} perasaan malu]]]].
2	[_{Ag1} Dia [<u>ada</u> [_{Ag2} potensi] [_{Ag3} untuk melakukan kejayaan pada musim ini]]]].	#[_{Ag1} Dia [<u>ada</u> [_{Ag3} untuk melakukan kejayaan pada musim ini]]]].	[_{Ag1} Dia [<u>ada</u> [_{Ag2} potensi]]]].
3	[_{Ag1} Saya [<u>ada</u> [_{Ag2} lesen kereta]]]].	#[_{Ag1} Saya [<u>ada</u>]].	[_{Ag1} Saya [<u>ada</u> [_{Ag2} lesen kereta]]]].
4	[_{Ag1} Kami [<u>ada</u> [_{Ag2} prosedur khusus] [_{Ag3} dalam perniagaan]]]].	#[_{Ag1} Kami [<u>ada</u> [_{Ag3} dalam perniagaan]]]].	[_{Ag1} Kami [<u>ada</u> [_{Ag2} prosedur khusus]]]].
5	[_{Ag1} Atlet itu [<u>ada</u> [_{Ag2} peluang] [_{Ag3} ke Sukan Olimpik]]]].	#[_{Ag1} Atlet itu [<u>ada</u> [_{Ag3} ke Sukan Olimpik]]]].	[_{Ag1} Atlet itu [<u>ada</u> [_{Ag2} peluang]]]].
6	[_{Ag1} Beliau [<u>ada</u> [_{Ag2} tanggungjawab yang besar terhadap maklumat kerajaan]]]].	#[_{Ag1} Beliau [<u>ada</u>]].	[_{Ag1} Beliau [<u>ada</u> [_{Ag2} tanggungjawab yang besar terhadap maklumat kerajaan]]]].
7	[_{Ag1} Kami [<u>ada</u> [_{Ag2} tekad dan keazaman yang tinggi]]]].	#[_{Ag1} Kami [<u>ada</u>]].	[_{Ag1} Kami [<u>ada</u> [_{Ag2} tekad dan keazaman yang tinggi]]]].
8	[_{Ag1} Mawi [<u>ada</u> [_{Ag2} kekuatan dan kesabaran]]]].	#[_{Ag1} Mawi [<u>ada</u>]].	[_{Ag1} Mawi [<u>ada</u> [_{Ag2} kekuatan dan kesabaran]]]].
9	[_{Ag1} Habibah [<u>ada</u> [_{Ag2} empat orang [anak lelaki teruna]]]]]].	#[_{Ag1} Habibah [<u>ada</u>]].	[_{Ag1} Habibah [<u>ada</u> [_{Ag2} empat orang [anak lelaki teruna]]]]]].
10	[_{Ag1} Radio Antarabangsa China [<u>ada</u> [_{Ag2} 13 orang editor yang bercakap Melayu]]]].	#[_{Ag1} Radio Antarabangsa China [<u>ada</u>]].	[_{Ag1} Radio Antarabangsa China [<u>ada</u> [_{Ag2} 13 orang editor yang bercakap Melayu]]]].

Berdasarkan Jadual 3, UPA yang dilakukan terhadap ayat milik daripada Jadual 1 menunjukkan sesuatu yang penting. Setelah ujian pengguguran Ag kedua dilakukan, didapati bahawa konotasi milik berubah kepada konotasi kewujudan. Namun, ayat tersebut masih gramatis dan ditandakan dengan tanda pagar (#) yang membawa maksud ujian ini membawa perubahan makna ayat asal. Oleh itu, ujian ini membuktikan bahawa konstituen FN diperlukan secara wajib dan perlu mengikuti KK “ada” untuk mengekalkan ayat milik yang gramatis.

Namun demikian, ujian pengguguran Ag ketiga menunjukkan ayat yang diuji masih mengekalkan konotasi milik asal dan tiada sebarang kejanggalan pada data yang diuji. Hal ini menunjukkan bahawa konstituen yang digugurkan, iaitu frasa komplemen, FKomp dan frasa preposisi FPrep bukanlah unsur wajib bagi sesuatu binaan ayat milik BM namun diklasifikasikan sebagai Adjung, iaitu maklumat tambahan kepada KK utama. Oleh itu, UPA dalam Jadual 3 membuktikan bahawa struktur asas ayat milik bahasa Melayu yang gramatis ialah FN-ada-FN sahaja. Seterusnya, UPA diaplikasikan terhadap ayat kewujudan dalam Jadual 2. Hasil UPA terhadap ayat kewujudan dipaparkan dalam Jadual 4.

Jadual 4. Hasil UPA bagi ayat kewujudan

Bil.	Data yang diuji	Hasil pengguguran argumen kedua
1	[_{Ag1} Riwayat sejarah tokoh itu] <u>ada</u> [_{Ag2} di sana].	[[_{Ag1} Riwayat sejarah tokoh itu] <u>ada</u>]].
2	[_{Ag1} Pondok baharu itu] <u>ada</u> [_{Ag2} di sana].	[[_{Ag1} Pondok baharu itu] <u>ada</u>]].
3	[_{Ag1} Maklumat terkini peruntukan itu] <u>ada</u> [_{Ag2} di portal jabatan].	[[_{Ag1} Maklumat terkini peruntukan itu] <u>ada</u>]].
4	[_{Ag1} Selekoh berbahaya itu] <u>ada</u> [_{Ag2} di kawasan itu].	[[_{Ag1} Selekoh berbahaya itu] <u>ada</u>]].
5	[_{Ag1} Pertindihan fungsi itu] <u>ada</u> [_{Ag2} dalam hierarki jabatan kerajaan].	[[_{Ag1} Pertindihan fungsi itu] <u>ada</u>]].
6	[_{Ag1} Jentera parti yang mantap itu] <u>ada</u> [_{Ag2} di Kelantan].	[[_{Ag1} Jentera parti yang mantap itu] <u>ada</u>]].
7	[_{Ag1} Saya] <u>ada</u> [_{Ag2} di belakang awak].	[[_{Ag1} Saya] <u>ada</u>]].
8	[_{Ag1} Tindakan pantas pegawai itu] <u>ada</u> [_{Ag2} untuk selesaikan masalah].	[[_{Ag1} Tindakan pantas pegawai itu] <u>ada</u>]].
9	[_{Ag1} Kemungkinan darurat ekonomi] <u>ada</u> .	[[_{Ag1} Kemungkinan darurat ekonomi] <u>ada</u>]].
10	[_{Ag1} Bakatnya itu] <u>ada</u> [_{Ag2} dalam dirinya seawal permulaan karier].	[[_{Ag1} Bakatnya itu] <u>ada</u>]].

Disebabkan data kewujudan yang diuji hanya terdiri daripada Ag1 dan Ag2 sahaja, maka UPA yang diaplikasikan terhadap data hanyalah pengguguran Ag kedua sahaja, iaitu pengguguran unsur yang hadir selepas “ada”. Berpandukan Jadual 4, dapat diperhatikan hasil pengguguran Ag2 masih mengekalkan konotasi pengungkapan kewujudan yang gramatis sekalipun konstituen FPrep/FKomp sebagai Ag2 yang hadir selepas “ada” digugurkan. Jadual 4 juga menggambarkan sekiranya FN hadir di pangkal ayat mendahului “ada”, unsur lokatif yang diwakili oleh FPrep tidak diperlukan secara wajib. Dalam konteks ini, kajian ini mendapati bahawa FPrep dalam struktur ini berfungsi sebagai Adjung dan bukannya

komplemen wajib bagi “ada”. Oleh itu, kehadiran FPrep dalam struktur FN-ada-(FPrep) adalah opsyenal. Oleh itu, melalui UPA, struktur ayat kewujudan asas yang memposisikan FN di pangkal ialah FN-ada.

Dari perspektif pengagihan peranan tematik, “ada” dalam struktur milik FN-ada-FN mengagihkan dua peranan- θ kepada kedua-dua Ag, iaitu AGEN dan TEMA. FN yang berfungsi sebagai subjek menerima peranan- θ AGEN manakala FN objek pula ditandakan TEMA. Namun demikian, dalam struktur kewujudan FN-ada, disebabkan hanya terdapat satu Ag sahaja sebagai komplemen, maka FN dalam struktur FN-ada ditandakan sebagai TEMA. Hal ini dijelaskan dalam Contoh 11.

Contoh 11

- a. Struktur ayat milik: FN-ada-FN

[_{FN}Saya] ada [_{FN}lesen kereta].

AGEN TEMA

- b. Struktur ayat kewujudan: FN-ada

[_{FN}Selekoh berbahaya itu] ada.

TEMA

Hasil UPA dalam Jadual 3 dan 4 pula telah membuktikan konstituen wajib bagi “ada” dalam ayat milik dan kewujudan. Namun, UPA dalam kajian ini masih belum dapat menjelaskan transitiviti “ada” dalam kedua-dua struktur tersebut. Menurut Strube, Hemforth dan Wrobel (2022) dan Linke dan Ramscar (2020), transitiviti KK boleh ditentukan melalui rangka subkategorisasi yang menentukan bilangan komplemen yang diperlukan. Oleh itu, bingkai subkategorisasi “ada” dalam ayat milik dan kewujudan diperturunkan dalam Contoh 12.

Contoh 12

- a. Bingkai subkategorisasi “ada” milik;

[_{FN-AGEN}Saya] ada [_{FN-TEMA}lesen kereta].

ada; KK [_ FN_{TEMA}]

Transitiviti: Monotransitif

b. Bingkai subkategorisasi ada kewujudan;

[_{FN-TEMA}Selekoh berbahaya itu] ada.

ada; KK [_]

Transitiviti: Tak transitif (tak akusatif)

Berdasarkan Contoh 12, dapat diperhatikan bahawa “ada” dalam struktur milik dan kewujudan mempunyai bingkai subkategorisasi yang berbeza. Hal ini dipengaruhi oleh bilangan Ag yang diperlukan secara wajib oleh sesuatu KK. “ada” dalam struktur milik FN-ada-FN dikenali sebagai predikat-2-tempat kerana memerlukan dua Ag secara wajib. Sungguhpun “ada” dalam struktur milik FN-ada-FN (dalam Contoh 12[a]) memerlukan dua Ag secara wajib, namun hanya satu Ag sahaja yang disubkategorisasikan oleh “ada”, iaitu Ag dalaman yang dirujuk sebagai objek, iaitu FN “lesen kereta”. Oleh itu, “ada” dalam struktur ini diklasifikasikan sebagai KK monotransitif (K transitif).

Namun demikian, “ada” dalam ayat kewujudan FN-ada (dalam Contoh 12[b]) menunjukkan keperihalan berbeza kerana memerlukan hanya satu Ag sahaja. Disebabkan “ada” dalam FN-ada tidak memerlukan sebarang objek langsung, maka “ada” tidak mensubkategorisasikan sebarang Ag dalam (dalam Contoh 12[b]). Oleh itu, hasil subkategorisasi ini, “ada” dalam Contoh 12(b) digolongkan sebagai KK tak transitif.

Perbincangan sarjana bahasa berkaitan KK tak transitif lebih mendalam susulan kajian sintaksis generatif moden membahagikan KK tak transitif kepada dua jenis utama, iaitu KK tak akusatif dan KK tak ergatif. Perbezaan kedua-dua jenis KK tak transitif tersebut dilihat pada peranan- θ yang diagihkan kepada FN yang hadir bersama KK tersebut. Menurut Carnie (2006), Adger (2003), Radford (2009), Rodney dan Rogayah (2018), Fazal dan Khairul (2014) serta Taha, Fazal dan Mohd Subakir (2017), sesuatu KK tak akusatif dicirikan apabila Ag luaran (FN subjek) menerima pengagihan peranan- θ TEMA dalam struktur sintaksis. Manakala KK tak ergatif pula dicirikan apabila Ag luaran menerima peranan- θ AGEN. Oleh yang demikian, dalam konteks kajian ini, “ada” yang hadir dalam Jadual 2 dan 4, dan Contoh 12(b) merupakan KK tak akusatif kerana FN yang hadir bersama KK tersebut menerima penandaan peranan- θ TEMA.

Kesimpulannya, analisis deskriptif bahagian ini telah memperlihatkan bahawa terdapat dua ciri transitiviti berbeza yang didukung oleh “ada”, iaitu monotransitif dalam ayat milik FN-ada-FN dan tak akusatif dalam struktur kewujudan yang

memposisikan FN di pangkal ayat, FN-ada. Hal ini merupakan dapatan novel kajian ini yang amat jarang dibincangkan oleh sarjana lepas kerana membuktikan bahasa Melayu turut memiliki KK tunggal yang mendukung dua transitiviti berbeza dalam struktur yang berbeza. Maka, jelas menunjukkan bahawa fenomena ambitransitif dalam leksis “ada” sememangnya wujud dan digunakan secara nalar oleh penutur natif.

Perbincangan Teoretikal

Analisis dalam bahagian ini secara khusus membincangkan derivasi langkah demi langkah pembentukan frasa, klausa dan ayat lengkap bagi kedua-dua binaan struktur “ada” dalam ayat milik FN-ada-FN dan ayat kewujudan FN-ada. Perbincangan ini berlandaskan operasi gabung dalam cangkerang Fk (*vP shells*) berasaskan minimalis (Chomsky 2015).

Struktur cangkerang Fk “ada” sebagai KK monotransitif

Bagi menganalisis proses pembentukan struktur sintaksis “ada” sebagai KK monotransitif dalam ayat milik FN-ada-FN, bahagian ini hanya akan membincangkan satu contoh ayat sahaja. Dalam kajian sintaksis generatif, analisis satu binaan adalah berpada bagi mewakili kesemua contoh yang memiliki struktur yang sama (Rodney dan Rogayah 2018). Oleh itu, contoh “ada” transitif dalam ayat milik diperturunkan dalam Contoh 13(a) dan pengiraan leksikal dinyatakan dalam Contoh 13(b).

Contoh 13


a. [_{FN}Saya] [ada [_{FN}lesen kereta]].

b. Senarai butir leksikal dalam leksikon: {k, ada, saya, kereta, lesen}


Berdasarkan Contoh 13(b), pengiraan butir leksikal dalam aras leksikon bagi Contoh 13(a) mengandungi lima leksikal. Menurut Chomsky (1995; 2015), Fazal (2011), Khairul et al. (2021), Manoharan et al. (2022a) dan Ahmad dan Fazal (2023), k (kecil) hadir dalam aras leksikon untuk membawa fitur pemilihan kategori (pemilihan-k) tak berinterpretasi [uN]. Fitur ini merupakan elemen penting pada k kecil dan akan dibincangkan lanjut dalam proses ini. Oleh itu, langkah derivasi pertama dalam aras numerasi ialah “lesen” dan “kereta” akan dipilih daripada leksikon dan bergabung untuk membentuk unjuran FN dan dipaparkan dalam Contoh 14(a).

Contoh 14


a.




b.




c.




d.




e.



f.



g.



Berdasarkan Contoh 14(a), “lesen” membawa dua fitur asas, iaitu fitur berinterpretasi kata nama [N] dan fitur tak berinterpretasi [uN] yang bermaksud kata ini memerlukan suatu elemen lain yang membawa fitur [N] yang sepadan untuk bergabung dengan kata tersebut. Disebabkan “kereta” memiliki fitur [N] yang sepadan, maka proses gabung berlaku antara “lesen” dan “kereta” bagi membentuk suatu frasa FN “lesen kereta” dan fitur tak berinterpretasi pada “lesen” dapat disemak dan dipadam [tN]. Pemadaman fitur tak berinterpretasi adalah berdasarkan Prinsip Penyemakan dan Pemadaman Fitur (Adger 2003) yang mensyaratkan pemadaman berlaku mengikut prinsip adik beradik/hubungan bersaudara (*sisterhood*).

Seterusnya, langkah kedua pula ialah KK “ada” dipilih dari aras leksikon untuk bergabung dengan suatu elemen yang membawa fitur [N]. Hal ini disebabkan turut membawa fitur tak berinterpretasi [uN] yang belum disemak dan dipadam. Maka, “ada” memilih FN “lesen kereta” yang membawa fitur [N] yang sepadan untuk bergabung seperti dalam Contoh 14(b).

Berdasarkan Contoh 14(b), penggabungan “ada” dengan FN “lesen kereta” telah membentuk suatu unjuran FK. Diperhatikan “ada” membawa dua fitur pada aras leksikon, iaitu fitur kategori kata kerja [K] dan fitur tak berinterpretasi kata nama [uN]. Oleh itu, bagi menyemak dan memadam fitur tak berinterpretasi [uN] tersebut, “ada” perlu bergabung dengan unsur yang membawa fitur yang sepadan. Maka, FN “lesen kereta” yang memiliki fitur [N] yang sepadan dipilih untuk bergabung dengan “ada” dan fitur tak berinterpretasi dapat dipadam dengan sempurna [tN]. Oleh itu, operasi ini membentuk FK “ada lesen kereta”. Selain itu, melalui operasi dalam Contoh 14(b), “ada” telah mengagihkan peranan- θ TEMA kepada FN “lesen kereta”, iaitu sebagai komplemennya. Namun begitu, masih terdapat fitur tak berinterpretasi yang belum dinilai pada FN, iaitu fitur kasus [uAkusatif].

Oleh yang demikian, bagi memberi nilai, menyemak dan memadam fitur tak berinterpretasi pada FN dalam Contoh 14(b), operasi seterusnya beralih kepada langkah ketiga dimana “ada” yang menduduki posisi KK besar naik ke posisi cantuman k kecil seperti Contoh 14(c).

Berdasarkan Contoh 14(c), pergerakan “ada” dari posisi asal kepala KK besar ke posisi cantuman bersama k kecil telah meninggalkan bekas pada posisi sebelumnya <...>. Menurut Carnie (2006), Adger (2003), Chomsky (2015), Manoharan et al. (2022b), Fazal dan Najiha (2012) dan Ahmad, Fazal dan Azhar (2023), posisi unjuran k kecil diletuskan kepada dua nodus, iaitu satu nodus diisi oleh k kecil dan satu nodus lagi diduduki oleh KK besar. Dapat diperhatikan nodus k kecil membawa tiga fitur asas, iaitu fitur Prinsip Unjuran Lanjutan (*Extended Projection Principles*,

EPP) [uN*] dan fitur kala yang belum dinilai [uKala:]. Namun, terdapat satu fitur berinterpretasi pada nodus k kecil, yaitu fitur kasus [Akusatif]. Disebabkan fitur ini sepadan dengan keperluan fitur [uAkusatif] yang belum dipadam pada FN, maka k kecil menandakan kasus [Akusatif] pada FN “lesen kereta” dan menyebabkan fitur tak berinterpretasi pada FN dapat disemak dan dipadam [ʔAkusatif].

Disebabkan struktur Contoh 14(c) masih mempunyai fitur tak berinterpretasi yang belum disemak dan dipadam, maka langkah keempat ialah fitur EPP [uN*] pada k kecil diperkolatkan ke unjuran k' (k tanda). Maka, k' telah memiliki satu fitur [uN*] yang belum dipadamkan. Oleh itu, unjuran k' perlu memilih suatu elemen yang memiliki fitur [N] yang sepadan untuk bergabung dengannya. Justeru, FN “saya” yang memiliki fitur [N] yang sesuai dipilih dari leksikon untuk bergabung dengan unjuran k'. Gabungan FN “saya” dengan k' telah membentuk unjuran baharu iaitu unjuran Fk seperti dalam Contoh 14(d).

Berdasarkan Contoh 14(d), posisi yang diisi oleh FN “saya” dikenali sebagai [Spesifier,Fk], iaitu posisi subjek frasa. Operasi gabung antara FN “saya” dengan unjuran k' membolehkan fitur EPP yang diperkolatkan ke unjuran k' dapat disemak dan dipadam [ʔN*]. Selain itu, diperhatikan bahawa terdapat fitur kasus tak berinterpretasi [uNominatif] pada posisi [Spesifier,Fk]. Selain itu, derivasi ini membolehkan FN “saya” menerima peranan- θ AGEN yang diagihkan k kecil.

Seterusnya, disebabkan nodus k kecil masih mempunyai fitur [uKala:] yang masih belum dinilai dan dipadam, maka langkah kelima dalam proses derivasi ini ialah menggabungkan unjuran Fk dengan kepala kala. Gabungan ini membentuk unjuran kala' (kala tanda). Hal ini ditunjukkan dalam Contoh 14(e).

Berpandukan Contoh 14(e), diperhatikan bahawa kala membawa tiga fitur asas, iaitu fitur kala [kini], fitur kasus [Nominatif] dan fitur EPP [uN*]. Menerusi derivasi dalam Contoh 14(e), penggabungan unjuran Fk dengan kala telah berjaya menilai fitur kala tak berinterpretasi pada nodus k kecil sebagai kala kini. Oleh yang demikian, hal ini membolehkan fitur kala tak berinterpretasi dapat disemak dan dipadam [ʔKala:Kini]. Seterusnya, fitur kasus [Nominatif] yang dibawa oleh Kala telah membolehkannya menandakan kasus tersebut kepada FN “saya” di posisi [Spesifier,Fk]. Penandaan kasus Nominatif kepada FN “saya” menyebabkan fitur kasus tak berinterpretasi pada posisi tersebut dapat disemak dan dipadam dengan sempurna [ʔNominatif]. Disebabkan fitur EPP [uN*] pada kala masih belum dipadam, fitur ini seterusnya diperkolatkan ke unjuran kala' seperti Contoh 14(f).

Derivasi Contoh 14(f) yang memperkolatkan fitur EPP [uN*] ke unjuran kala' menyebabkan unjuran ini memerlukan penggabungan dengan suatu elemen yang membawa fitur [N] yang sepadan untuk memadam fitur tersebut. Bagi menyelesaikan hal ini, FN "saya" yang berada di posisi [Spesifier,Fk] ditarik naik untuk bergabung dengan unjuran Kala' dan membentuk unjuran baharu, iaitu FKala. Hal ini dinyatakan dalam Contoh 14(g).

Pergerakan FN "saya" dari posisi subjek frasa [Spesifier,Fk] ke posisi subjek ayat [Spesifier,FKala] dipengaruhi oleh keperluan penyemakan dan pemadaman fitur EPP tak berinterpretasi [uN*] yang berada di unjuran kala'. Penggabungan ini membolehkan fitur [uN*] dapat disemak dan dipadam [uN*].

Derivasi yang berlaku dalam Contoh 14(g) merupakan langkah terakhir dalam pembentukan ayat milik "Saya ada lesen kereta" dengan kehadiran "ada" sebagai KK milik montransitif. Disebabkan tiada lagi fitur tak berinterpretasi yang belum disemak dan dipadam, maka struktur yang dipaparkan dalam Contoh 14(g) dihantar ke aras antara muka bentuk logik fonetik untuk diujarkan sebagai ayat yang gramatis.

Struktur cangkerang Fk "ada" sebagai KK tak akusatif


Dalam analisis UPA dan subkategorisasi yang lalu, kajian ini menyatakan bahawa wujudnya transitiviti "ada" yang lain selain KK montransitif. Hal ini kerana "ada" juga memiliki transitiviti KK tak akusatif apabila ia hanya hadir bersama satu komplemen sahaja, iaitu FN yang berfungsi sebagai subjek dalam ayat kewujudan FN-ada. Oleh itu, bahagian ini akan menganalisis binaan sintaktik "ada" sebagai KK tak akusatif dalam Contoh 15.

Contoh 15

- a. [[_{FN}Selekoh berbahaya [_{Det}itu]] ada].
- b. Senarai butir leksikal dalam leksikon: {k, ada, selekoh, itu, berbahaya}

Berdasarkan Contoh 15, senarai pengiraan butir leksikal bagi Contoh 15(a) mengandungi lima leksikal dalam leksikon, iaitu k kecil, "ada", "selekoh", "itu" dan "berbahaya". Sehubungan itu, langkah pertama dalam derivasi pembentukan struktur ini ialah operasi gabung antara FN "selekoh" dan "berbahaya" bagi membentuk suatu frasa nama FN "selekoh berbahaya". Seterusnya, FN "selekoh berbahaya" yang memiliki fitur tak berinterpretasi definitif [uDef] memerlukan suatu elemen yang membawa fitur definit [Def] untuk bergabung dengannya. Hal ini dipaparkan dalam Contoh 16(a).

Contoh 16



Berpandukan Contoh 16(a), “selekeh berbahaya” membawa dua fitur atas, iaitu fitur kategori kata nama [N] dan fitur definitif tak berinterpretasi [uDef]. Hal ini bermaksud FN “selekeh berbahaya” memerlukan suatu elemen lain yang membawa fitur definitif [Def] yang sepadan untuk bergabung bersamanya. Kata “itu” pula dilihat membawa dua fitur asas, iaitu fitur definitif sebagai berciri tentu [Def] dan fitur kata nama tak berinterpretasi [uN]. Keperluan ini menyebabkan FN “selekeh itu” memilih Det “itu” untuk gabung dan fitur [uDef] dan [uN] dapat disemak dan dipadam.

Langkah ketiga ialah operasi gabung antara KK “ada” dengan FN “selekeh berbahaya itu”. Oleh itu, “ada” dipilih daripada senarai leksikal dalam leksikon dan bergabung dengan FN bagi membentuk unjuran FK seperti dalam Contoh 16(b).

Operasi gabung dalam Contoh 16(b) membentuk unjuran FK antara “ada” dan FN “selekoh berbahaya itu”. Dapat diperhatikan bahawa “ada” menduduki kepala KK besar dan membawa dua fitur asas, iaitu fitur kategori kata kerja [K] dan fitur kata nama tak berinterpretasi [uN]. Gabungan “ada” dengan FN “selekoh itu” berjaya menyemak dan memadamkan fitur tak berinterpretasi [uN] yang dibawa oleh “ada”.

Walau bagaimanapun, hasil operasi gabung Contoh 16(b) menyebabkan FN “selekoh berbahaya itu” mendapat pengagihan peranan- θ TEMA yang diberikan oleh “ada”. Selain itu, operasi gabung ini juga tidak berjaya menandakan sebarang kasus kepada FN. Kajian ini mengandaikan bahawa FN “selekoh berbahaya itu” tidak layak diberikan kasus akusatif kerana “itu” merupakan elemen kuat yang menyerap kasus tersebut. Oleh itu, FN “selekoh berbahaya itu” tidak mendapat sebarang kasus pada posisinya argumen dalaman dalam Contoh 16(b). Justeru, FN tersebut ditandakan sebagai belum dinilai dan diberi kasus [uKasus:].

Disebabkan struktur dalam Contoh 16(b) masih mempunyai fitur tak berinterpretasi [uKasus:] yang belum dinilai kasus dan disemak, maka langkah keempat ialah operasi gabung antara FK dengan kepala kala. Hal ini dipaparkan dalam Contoh 16(c).

Dapat diperhatikan bahawa langkah keempat dalam Contoh 16(c) tidak memiliki operasi lapisan k kecil. Diandaikan bahawa k kecil dalam pengkomputeran tak akusatif melanggar syarat ekonomis dari segi Prinsip Interpretasi Penuh kerana KK tak akusatif tidak memiliki spesifik. Kajian ini berpendapat KK tak akusatif kurang kuasa untuk menyemak dan menilai kasus akusatif objek logikal, iaitu FN. Oleh itu, KK tak akusatif disifatkan sebagai jenis kata kerja yang merupakan kepala leksikal dan tidak dapat mengagihkan atau menilai kasus akusatif kepada komplemennya. Oleh itu, lapisan k kecil dalam analisis KK akusatif adalah tidak relevan.

Berdasarkan Contoh 16(c), selaras dengan pandangan Chomsky (2015), Adger (2003), Carnie (2006) yang mendakwa kepala kala membawa tiga fitur asas, iaitu fitur kala [kini], fitur kasus yang diberikan di posisi subjek iaitu [nominatif] dan fitur EPP tak berinterpretasi [uN*]. Didapati bahawa dalam langkah itu, fitur EPP tak berinterpretasi [uN*] tidak dapat disemak dan dipadam. Justeru, ia diperkolatkan ke unjuran kala’ dan ditunjukkan dalam Contoh 16(d).

Berdasarkan Contoh 16(d), fitur EPP tak berinterpretasi yang diperkolatkan ke unjuran kala’ membawa implikasi bahawa fitur ini memerlukan suatu elemen yang membawa fitur [N] yang sepadan untuk bergabung dengannya sebagai subjek

ayat. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa FN objek logikal di posisi argumen dalaman yang membawa fitur [N] ditarik naik dan bergabung dengan unjuran kala'. Penaikan FN “selekoh berbahaya itu” ke posisi baharu, iaitu posisi subjek ayat [Spesifier,FKala]. Hal ini dinyatakan dalam Contoh 16(e).

Berdasarkan operasi gabung antara unjuran kala' dan FN “selekoh berbahaya itu” dalam Contoh 16(e), terdapat dua implikasi yang dipaparkan. Pertama, fitur EPP tak berinterpretasi pada unjuran Kala' dapat disemak dan dipadam dengan sempurna [uN*] kerana FN “selekoh berbahaya itu” membawa fitur [N] yang sepadan dengan keperluannya. Kedua, disebabkan FN “selekoh berbahaya itu” tidak dapat ditandakan sebarang kasus pada posisi objek logikal, maka pergerakan naik ke posisi subjek ayat dapat memberikan penandaan kasus nominatif kepada FN. Hal ini kerana kepala kala membawa kasus nominatif yang akan ditandakan kepada sebarang FN yang menduduki posisi [Spesifier,FKala]. Maka, fitur kasus tak berinterpretasi yang dibawa oleh FN dapat dinilai sebagai kasus nominatif dan disemak serta dipadam dengan sempurna [uKasus:Nominatif].

Langkah yang dipaparkan dalam Contoh 16(e) merupakan langkah derivasi terakhir yang berlaku dalam aras numerasi. Hal ini kerana semua fitur tak berinterpretasi telah berjaya disemak dan dipadam dengan sempurna. Oleh itu, struktur dalam Contoh 16(e) dibawa ke aras antaramuka bentuk logik dan fonetik untuk diujarkan sebagai ayat kewujudan tak akusatif yang gramatis “Selekoh berbahaya itu ada”.

Kesimpulan

Analisis teoretikal yang dibincangkan membuktikan bahawa leksis “ada” merupakan antara kata kerja ambitransitif bahasa Melayu. Leksis “ada” hadir sebagai KK monotransitif dalam ayat milik FN-ada-FN manakala dalam ayat kewujudan FN-ada, “ada” hadir sebagai KK tak akusatif. Hal ini disebabkan “ada” memiliki struktur lapisan frasa kerja yang berbeza dalam kedua-dua struktur yang dianalisis. Selain itu, ujian pengguguran argumen (UPA) dan subkategorisasi yang dilakukan secara deskriptif membuktikan bahawa dalam struktur milik, “ada” hanya memerlukan dua konstituen secara wajib, iaitu FN argumen dalaman sebagai objek dan FN argumen luaran sebagai subjek. Dalam struktur kewujudan tak akusatif, “ada” hanya mensubkategorisasikan satu argumen dalaman sahaja sebagai komplemen dan menerusi operasi sintaktikal, objek dalaman tersebut bergerak naik ke posisi subjek logikal untuk memenuhi prinsip penyemakan fitur EPP dalam cangkerang Fk. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan terhadap lebih banyak kajian ambitransitiviti bahasa Melayu pada masa akan datang.

Penghargaan

Penulisan ini merupakan hasil penyelidikan daripada Geran Fundamental Kementerian Pengajian Tinggi FRGS (FRGS/1/2021/WAB10/UKM/02/2) dan Geran GUP Universiti Kebangsaan Malaysia (GUP-2021-062).

Rujukan

- Adger, D. 2003. *Core syntax: A minimalist approach*. London: Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/oso/9780199243709.001.0001>
- Ahmad Syafiq Amir Abdullah Zawawi and Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2023. Analisis ada sebagai kata kerja dwikomplemen: Suatu pendekatan minimalis. *GEMA Online Journal of Language Studies* 23(2): 119–143. <https://doi.org/10.17576/gema-2023-2302-07>
- Ahmad Syafiq Amir Abdullah Zawawi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan and Azhar Jaludin. 2023. Expletive there structures: A minimalist approach. *3L: Language, Linguistics, Literature* 29(3): 125–147. <http://doi.org/10.17576/3L-2023-2903-10>
- _____. 2022. Subjek nul pro bahasa Melayu: Suatu penilaian semula berpandukan kerangka minimalis. *Issues in Language Studies* 11(1): 109–128. <https://doi.org/10.33736/ils.4122.2022>
- Ang, L.H. and Tan, K.H. 2016. Preposition-related collocation use among British and Malaysian learners: A corpus analysis. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 24: 145–156.
- Asmah Haji Omar. 2015. *Nahu Melayu mutakhir*. 5th Ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carnie, A. 2006. *Syntax: A generative introduction*. 2nd Ed. London: Blackwell Publishing.
- Chomsky, N. 2015. *The minimalist program*. 20th Ed. Cambridge: MIT Press.
- _____. 1995. *The minimalist program*. 1st Ed. Cambridge: MIT Press.
- Enfield, N.J. 2017. Language in the mainland Southeast Asia area. In *The Cambridge handbook of areal linguistics*, ed. R. Hickey, 677–702. Cambridge: Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/9781107279872.026>
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2011. The syntactic structure of a noun phrase: Austroasiatic vs. Austronesia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 19(1): 263–271.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan and Khairul Faiz Alimi. 2014. Analisis deskriptif terhadap struktur frasa kerja bahasa Mendriq. *Jurnal Bahasa* 14(2): 169–191.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan and Mohd Romzi Ramli. 2015. Kata ganti nama dalam bahasa Mendriq. *GEMA Online Journal of Language Studies* 15(3): 67–82.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan and Najiha Suhaimi. 2012. Kata soal dalam dialek Kedah. *GEMA Online Journal of Language Studies* 12(2): 475–493.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan and Syafika Atika Othman. 2021. Frasa topik dan fokus dalam bahasa Melayu: Analisis program minimalis. *GEMA Online Journal of Language Studies* 21(2): 195–214. <https://doi.org/10.17576/gema-2021-2102-10>

- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin and Harishon Radzi. 2011. Kata soal “bila” dalam dialek Kedah Melayu Baling: Satu analisis sintaksis. *GEMA Online Journal of Language Studies* 11(1): 69–80.
- Gianollo, C. 2014. Labile verbs in Late Latin. *Linguistics* 52(4): 945–1002. <https://doi.org/10.1515/ling-2014-0013>
- Grüter, T. 2006. Object clitic omission in L2 French: Mis-setting or missing surface inflection. In *Proceedings of the 8th generative approaches to second language acquisition conference (GASLA 2006)*, 63–71. Somerville, MA: Cascadilla Proceedings Project.
- Hadis Habibi, Awang Had Salleh and Singh, M.K.S. 2015. The effect of reading on improving the writing of EFL students. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 23(4): 1115–1138.
- Haegeman, L. 1994. *Introduction to government and binding theory*. 2nd Ed. Oxford: Blackwell Publishers Ltd.
- Haegeman, L. and Gueron, J. 1999. *English grammar: A generative perspective*. London: Blackwell Publishers.
- Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin and Zaharani Ahmad. 2012. Analisis bahasa komunikasi bangsa minoriti Negrito menerusi pengimbuhan dan peminjaman kata. *GEMA Online Journal of Language Studies* 12(3): 885–901.
- Heidinger, S. 2014. The persistence of labile verbs in the French causative-anticausative alternation. *Linguistics* 52(4): 1003–1024. <https://doi.org/10.1515/ling-2014-0014>
- Hill, D. 2011. Transitivity in Longgu: The interdependence of verb classes and valency-changing derivations. *Oceanic Linguistics* 50(2): 458–482. <https://doi.org/10.1353/ol.2011.0017>
- Kartini Abd Wahab, Rogayah A. Razak and Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2016. The verb phrase construction in Malay: The minimalist program. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 24: 21–32.
- Kehayov, P. and Vihman, V. 2014. The lure of lability: A synchronic and diachronic investigation of the labile pattern in Estonian. *Linguistics* 52(4): 1061–1105. <https://doi.org/10.1515/ling-2014-0016>
- Khairul Faiz Alimi, Abdul Halim Ayob, Abdurraouf Ramesh Abdullah, Fazal Mohamed Mohamed Sultan and Karuppannan, G. 2021. Effectiveness of English language e-learning among tertiary education students during the COVID-19 pandemic. *3L: Language, Linguistics and Literature* 24(7): 56–71. <https://doi.org/10.17576/3L-2021-2704-05>
- Kulikov, L. 2014. The decline of labile syntax in Old Indo-Aryan: A diachronic typological perspective. *Linguistics* 52(4): 1139–1165. <https://doi.org/10.1515/ling-2014-0018>
- Kurebito, T. 2012. An outline of valency-reducing operations in Chukchi. *Senri Ethnological Studies* 77: 177–189.
- LaPolla, R.J. 2010. Arguments against “subject” and “direct object” as viable concepts in Chinese. Retrieved from <https://core.ac.uk/download/pdf/14514812.pdf> (accessed 21 August 2023).
- Letuchiy, A. 2015. Historical development of labile verbs in modern Russian. *Linguistics* 53(3): 611–647. <https://doi.org/10.1515/ling-2015-0012>

- Lev, S. 2016. Hebrew labile alternation. MA diss., Tel-Aviv University.
- Linke, M. and Ramscar, M. 2020. How the probabilistic structure of grammatical context shapes speech. *Entropy* 22(1): 90. <https://doi.org/10.3390/e22010090>
- Makartsev, M. and Wahlström, M.J. 2020. Ambitransitivity as an areal feature in the Balkans. In *SLE book of abstracts*, ed. S. Olga, 121. London: Blackwell Publishing.
- Manoharan, S.R., Tan, K.H. and Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2022a. A comparison of online learning challenges between young learners and adult learners in ESL classes during the COVID-19 pandemic: Critical review. *Theory and Practice in Language Studies* 12(1): 28–35. <https://doi.org/10.17507/tpls.1201.04>
- _____. 2022b. The impact of debriefing strategy in ESL online classroom. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research* 21(3): 247–262. <https://doi.org/10.26803/ijlter.21.3.13>
- Mashudi Kader. 2003. Kategori kosong pro yang berfungsi frasa nama. *Jurnal Bahasa* 3(3): 391–416.
- Mashudi Kader, Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin and Ejazi Yahya. 2005. Pola ayat kelima bahasa Malaysia yang wujud tetapi ditiadakan: Keterangan dan analisis korpus moden dan klasik. In *Seminar kebangsaan linguistik (SKALI '05)*. Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia and Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslida Yusof. 2018. Struktur semantik aksionsart kata “ada”. *Jurnal Melayu* 17(2): 197–209.
- Maslida Yusof, Mughni Murni Bustaman and Kartini Abd Wahab. 2022. Klasifikasi kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif dalam bahasa Melayu: Agentiviti dan penamat. *Issues in Language Studies* 11(2): 61–80. <https://doi.org/10.33736/ils.4095.2022>
- Mei, C.J. and Ong, C.S.B. 2018. The choice of suffix variants for participial adjective in corpus of Malaysian e-newspapers. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 26(4): 2333–2346.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa and Abdul Hamid Mahmood. 2010. *Tatabahasa dewan*. 3rd Ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nusawantara, K., Rohmah, Z. and Kusumawardani, R.P. 2019. Corpus-based analysis of cohesive devices in academic essays written by Indonesian students: Across-gender analysis. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 27(4): 2265–2284.
- Radford, A. 2009. *Analysing English sentences: A minimalist approach*. Cambridge: Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511801617>
- Ramli Salleh. 1989. *Fronted constituents in Malay: Base structures and move alpha in a configurational non-Indo-European language*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rodney, J. and Rogayah A. Razak. 2018. Lapisan frasa kerja dalam bahasa Melayu. In *Teori sintaksis bahasa Melayu*, eds. Radiah Yusoff and Rogayah Razak, 1–53. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruff, F.T. 2015. Beyond the basics: Transitive, intransitive, ditransitive and ambitransitive verbs. *The Advocate*, February.
- Siti Zubaidah Mohd Hashim and Hajar Abdul Rahim. 2016. Defying the global: The cultural connotations of “Islam” in Malaysia. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 23(Supp. 2): 81–98. <https://doi.org/10.21315/kajh2016.23.s2.5>

- Strube, G., Hemforth, B. and Wrobel, H. 2022. Resolution of structural ambiguities in sentence comprehension: On-line analysis of syntactic, lexical, and semantic effects 1. In *12th Annual Conference. C.S.S. Pod*, ed. J.R. Anderson, 558–565. New York: Psychology Press.
- Taha, M., Fazal Mohamed Mohamed Sultan and Mohd Subakir Mohd Yasin. 2017. The morphosyntax of causative construction in Sudanese Arabic. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 25(2): 419–428.
- Tight, D.G. 2012. The first noun principle and ambitransitive verbs. *Hispania* 95(1): 103–115. <https://doi.org/10.1353/hpn.2012.a469669>
- Wijitsopon, R. 2018. A corpus stylistic study of singular and plural keywords in Jane Austen's *Persuasion*. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 25(2): 1–22. <https://doi.org/10.21315/kajh2018.25.2.1>
- Zarifi, A. and Mukundan, J. 2019. Use of phrasal verbs in an ESL learner corpus and its corresponding pedagogic corpus. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 27(4): 2185–2200.
- Zhang, L. 2017. The typology of labile verbs and Chinese. In *Proceedings of the 29th North American conference on Chinese linguistics (NACCL-29)*, ed. L. Zhang, 423–442. Vol. 2. Memphis, TN: University of Memphis, 423–442.